

# SportsUnite anjur Cabaran U R MY BRO Duet 2010

**KELAB** Sukan SportsUnite buat julung-julung kalinya akan menganjurkan Cabaran U R MY BRO Duet 2010 di Tropicana City Mall pada 2 Mei depan.

Cabaran yang akan menyaksikan peserta mempamerkan bakat dan kemahiran secara bebas mengimbangi bola itu terbuka kepada 48 pasangan sahaja.

Menurut Pengerusi Kelab Sukan SportsUnite, Datuk Dina Rizal, ini adalah kejohanan yang pertama diadakan di negara ini dengan matlamat meningkatkan skil pemain bola di samping memupuk perpaduan.

“Syarat utama penyertaan ialah setiap pasangan mestilah diwakili oleh dua kaum,” katanya.

Juara akan membawa pulang hadiah wang tunai RM1000, trofi dan pelbagai ha-

diah sampingan.

Naib juara akan menerima RM800, trofi dan barangan penaja, ketiga RM600, trofi dan barangan penaja, keempat RM500, trofi dan barangan penaja manakala pemenang kelima dan keenam masing-masing menerima RM400, trofi dan barangan penaja.

Yuran penyertaan ialah RM30 untuk satu pasangan.

Borang penyertaan boleh didapati di Tropicana City Mall atau layari [www.syoknyasukan.com](http://www.syoknyasukan.com)

Shuhaimi Khizari yang dikenali sebagai ‘Dr.Freestyler’ akan mempamerkan kepakarannya mengimbangi bola dan juga akan bertindak sebagai ketua hakim.

Untuk keterangan lanjut mengenai kejohanan ini boleh menghubungi Nik Muhd. Radzi menerusi talian 019-3519934/019-2102442.



DINA (empat dari kiri) bergambar bersama barisan penaja Cabaran U R MY BRO Duet 2010 baru-baru ini.